

Penjajah guna Pas

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Penggunaan perkataan Islam dalam nama Parti Islam SeMalaya (Pas) adalah dibuat oleh penjajah British untuk memecahbelahkan dan melemahkan masyarakat Islam di Malaysia, kata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tegasnya, sebarang percubaan oleh UMNO untuk membatalkan kelulusan yang diperolehi daripada penjajah itu, akan digunakan oleh pemimpin-pemimpin Pas sebagai isu politik yang besar.

“Mereka akan menuduh UMNO mengharamkan Islam dan bukannya mengharamkan penggunaan perkataan ‘Islam’ dalam nama parti itu,” kata Dr. Mahathir semasa menyampaikan ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO 1994 di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas desakan daripada pihak tertentu termasuk anggota-anggota UMNO untuk melarang Pas daripada menggunakan perkataan Islam dalam nama parti politik tersebut.

Dr. Mahathir menjelaskan, walau sejauh mana sekalipun parti itu menyeweng, ia masih mempunyai penyokong yang ber-

sedia untuk mengecap kerajaan sebagai anti-Islam jika tindakan diam-bil supaya digugurkan perkataan Islam daripada nama parti tersebut.

“Hari ini Pas dengan beraninya mendakwa bahawa sesiapa yang tidak menyokong tindakannya adalah tidak Islam. Pas kononnya adalah Islam

dan Islam kononnya adalah Pas.

“Pas kononnya akan bekerjasama dengan UMNO jika UMNO menerima Islam. Sekali lagi secara

tidak langsung Pas menyoal keislaman orang UMNO dan mengkafirkan UMNO,” tambahnya.

Beliau mengakui bahawa adalah mudah bagi

Dr. M.

lemahkan rakyat

kerajaan mematahkan ajaran sesat oleh Al-Arqam yang bukan parti politik berbanding dengan usaha mematahkan ajaran sesat parti politik yang memperalatkan Islam.

Katanya, rancangan penjajah untuk meninggalkan 'bom jangka' di kalangan orang Melayu tetap berjaya apabila Pas terus kekal hingga sekarang dan berjaya menarik sokongan ramai.

Katanya, kejayaan Pas mempengaruhi orang Islam termasuk tok guru dan masyarakat terpelajar, menjadikan penggunaan perkataan Islam kepada parti itu sudah tidak dapat dibatalkan lagi.

Menurutnya, pada pilihanraya umum 1959, tanpa segan silu Pas memperalatkan agama dan menyalahafsirkan ajaran Islam dengan sewenang-wenangnya sehingga mendakwa orang UMNO adalah kafir.

Katanya, sebilangan besar guru agama pondok turut menerima dakwaan tersebut kerana Pas menjanjikan mereka tempat sebagai calon Pas dan mendapat gaji yang tidak pernah dinikmati sebelum ini.

"Dengan penyertaan guru-guru agama, maka pengaruh Pas berkembang dengan luas. Tidak hai-

ranlah jika pada pilihanraya umum 1959 mereka dapat menawan Kelantan dan Terengganu," jelasnya.

Perdana Menteri mengambil contoh bahawa penggunaan nama Islam pada parti di negara-negara Islam lain telah menjadikan negara-negara berkenaan berpecah belah sehingga menimbulkan permusuhan dan pembunuhan.

"Dengan itu, hampir semua negara Islam itu menjadi lemah, mundur dan mudah diperalatkan oleh musuh-musuh Islam.

"Namun masih lagi tidak ada kesedaran bahawa orang yang berselindung di belakang perkataan Islam adalah salah satu daripada punca kelemahan umat Islam," katanya.

Di Malaysia juga, tegasnya, ramai yang tetap mempertahankan penggunaan nama Islam kepada parti kerana kononnya ini bermakna parti itu adalah parti Islam.

Sebaliknya, kata beliau, tindak-tanduk parti 'Islam' yang jauh lari daripada ajaran Islam tidak diambilkira dan berjajalah strategi penjajah untuk memecah-belahkan dan melemahkan orang Islam di negara ini.